

UMT kaji potensi biak kuda laut

BH 01/05/08 pg. B12.
KUALA TERENGGANU: Institut Bioteknologi Marin (IBM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedang membuat kajian mengkaji potensi membiakkan secara kacukan dua spesies kuda laut bagi memastikan spesies yang sedang diancam kepupusan dan sering ditangkap kerana nilai perubatan tradisional tinggi dapat dipulihara dan dibiakkan secara komersial.

Pengarah IBM, Prof Madya Dr Mohd Effendy Abdul Wahid, berkata spesies kuda laut kini menjadi hidupan yang cukup terancam terutama bagi spesies 'hippocampus kuda' yang banyak terdapat di perairan Johor yang ditangkap sewenang-wenangnya kerana nilai komersial tinggi dan digunakan secara tradisional sebagai antiasma, antikanser dan antibengkak.

"Kemosrotan jumlah spesies kuda laut yang ada sekarang terutama di perairan Johor cukup membimbangkan dan bagi memastikan ada satu penyelesaian dalam menangani masalah itu, kerajaan Johor melalui Johor Biotechnology Corporation dengan kerjasama Jabatan Perikanan dan IBM sedang membuat kajian terperinci mengkaji potensi kuda laut yang terdapat di Johor sama ada boleh dibiakkan secara kacukan dengan spesies kuda laut yang terdapat di tempat lain.

"Ketika ini kemungkinan dan ujian untuk membiakkan dua spesies itu akan membabitkan spesies 'hippocampus kuda' yang banyak terdapat di perairan Johor dengan spesies 'hippocampus spinosissimus' yang lazim terdapat di perairan Terengganu terutama di gugusan kepulauan sepanjang perairan negeri ini," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini kelmarin.